



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PEMASANGAN SISTEM SOLAR PV
MELALUI PROGRAM *SUPPLY AGREEMENT FOR RENEWABLE
ENERGY (SARE)* ANTARA MBSP, TNB DAN GSPARX**

OLEH

**YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL
SINGH**

**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
MERANGKAP Pengerusi Jawatankuasa Perumahan,
KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

**TARIKH / MASA / TEMPAT
27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)
8.30 PAGI**

**PEJABAT MBSP CAWANGAN JALAN BETEK
BUKIT MERTA JAM**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid

Pemangku Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan Dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Warga Kerja MBSP

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Pemasangan Sistem Solar PV melalui Program *Supply Agreement for Renewable Energy* (SARE) antara MBSP, TNB dan GSPARX di Pejabat MBSP Cawangan Jalan Betek, Bukit Mertajam.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh a/l Karpal Singh yang tidak jemu-jemu menyokong program-program di Seberang Perai yang dianjurkan oleh MBSP dan kesudian Yang Berhormat untuk hadir merasmikan program pada pagi ini. Selain itu, sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Tenaga Nasional Berhad dan GSPARX Sdn. Bhd. kerana menjalin kerjasama strategik dengan MBSP menggunakan pendekatan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher and Planet Partnership*) untuk merealisasikan matlamat MBSP ke arah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urusetia yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Pada 17 Mei 2019 yang lalu, MBSP telah muncul sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama di Malaysia yang menandatangani Memorandum Perjanjian (MoU) bagi pelaksanaan *Supply Agreement Renewable Energy* (SARE) bagi pengurangan karbon melalui penggunaan tenaga solar. SARE merupakan satu perjanjian antara TNB dan GSPARX sebagai pelabur PV Solar Berdaftar (RPVI) dan MBSP sebagai pelanggan, membolehkan MBSP menikmati kadar elektrik lebih rendah berbanding tarif yang diwartakan. Pemeteraian perjanjian ini menandakan satu pencapaian penting bagi MBSP yang mempraktikkan amalan hijau dengan perbadanan utility nasional menerusi SARE dan membawa MBSP melangkah setapak lagi ke arah merealisasikan agenda masyarakat karbon rendah menerusi inisiatif bandar pintar Seberang Perai.

Tiga (3) bangunan MBSP telah dipilih iaitu Kompleks Sukan Bertam, Kompleks Sukan Jalan Betek dan Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betek. Pemasangan fotovoltaiik (PV) solar juga akan membolehkan MBSP menjual lebihan tenaga solar kepada TNB dan mendapat kredit tenaga bagi asas 'satu-bagi-satu' bagi mengurangkan lagi bilnya menerusi skim *Net Energy Metering* (NEM). MBSP tidak perlu mengeluarkan sebarang kos awalan untuk pemasangan sistem solar di bangunan yang telah dipilih. Tenaga solar yang dijana akan menggantikan tenaga konvensional di mana MBSP dapat menikmati penjimatan bil melalui tarif yang lebih rendah dan tetap sepanjang tempoh perjanjian. Melalui konsep ini juga pengguna dapat menikmati kadar bayaran bil elektrik yang lebih rendah yang mana kadar yang ditawarkan adalah rendah dan tetap sepanjang tempoh kontrak tersebut.

Selain daripada pemasangan panel solar di Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betek, pihak GSPARX Sdn. Bhd. juga telah membuat penggantian bumbung yang baru bagi menampung pemasangan sebanyak 300 unit panel solar dan ianya juga tanpa sebarang kos awalan ditanggung oleh pihak MBSP.

Tenaga solar ini secara tidak langsung dapat menjimatkan kos pembiayaan elektrik bagi ketiga-tiga bangunan tersebut. Di Pejabat Cawangan MBSP Jalan Betek, anggaran penjimatan tahunan ialah sebanyak RM15,400.00, di Kompleks Sukan Jalan Betek ialah sebanyak RM10,636.00 dan di Kompleks Sukan Bertam ialah sebanyak RM16,473.00.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Selain daripada pemasangan solar panel di tiga (3) bangunan MBSP, Kompleks Sukan Bertam, Kompleks Sukan Jalan Betek dan Pejabat Cabang MBSP Jalan Betek, MBSP juga memasang panel solar di bumbung tempat letak motosikal pekerja di Ibu Pejabat MBSP di Bandar Perda. Sebanyak 220 unit panel solar berkapasiti 265Wp/panel telah dipasang di mana *Annual Solar energy yield* adalah 79.93Mwh dan anggaran penjimatan adalah RM26,829.63 setahun bagi tempoh selama 25 tahun. ROI adalah 10 tahun 8 bulan. Selain itu, MBSP juga ada perancangan untuk memasang panel solar di kawasan tempat letak kereta di Ibu Pejabat MBSP di Bandar Perda.

MBSP juga menerajui Penggunaan Tenaga secara Mampan (*Sustainable Energy Consumption*) melalui pemasangan lampu jalan LED. Lampu-lampu jalan jenis HPSV yang sedia ada di Seberang Perai akan digantikan secara beransur-ansur dengan lampu jalan jenis LED. Selain itu, semua pembangunan perumahan baru disyaratkan untuk memasang lampu jalan LED. Sehingga kini, sebanyak 2,216 lampu jalan LED telah dipasang di Seberang Perai dan 14,061 lagi akan diganti dan siap penggantian sepenuhnya dijangka Mac 2022.

Selain itu, pada tahun 2016, MBSP telah mewujudkan Garis Panduan Pemasangan Lampu di Seberang Perai. Melalui garis panduan ini, semua skim pembangunan baru adalah digalakkan untuk memasang lampu jalan jenis LED. Pada tahun 2018, MBSP telah mewajibkan supaya semua lampu jalan yang dipasang dan akan diserahkan kepada MBSP memasang lampu jalan jenis LED.

Melalui usaha-usaha yang dilaksanakan ini, adalah diharapkan matlamat MBSP untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbin menjelang tahun 2022 tercapai.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Ingin saya nyatakan di sini bahawa kerjasama dan komitmen daripada bukan sahaja daripada penduduk Seberang Perai malah organisasi-organisasi atau agensi kerajaan dan swasta adalah amat diperlukan oleh MBSP. Tanpa Smart Partnership, saya yakin hasrat untuk mencapai Low Carbon City pada tahun 2022 adalah sukar untuk dicapai. Justeru, saya ingin menjemput dan mengalakkan lagi lebih banyak agensi-agensi swasta dan kerajaan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah bandaraya rendah karbon. MBSP juga akan sentiasa memastikan bahawa kita seiring dengan hasrat Penang 2030 dan Sustainable Development Goals 17. Oleh itu, marilah sama-sama kita berganding bahu bagi mencapai Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Warga Seberang Perai terhadap MBSP selama ini. MBSP juga akan sentiasa menyokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan meletakkan kehendak masyarakat di hadapan bagi memakmurkan bumi Seberang Perai. MBSP tidak akan berhenti berjuang dan kami perlukan sokongan dan kerjasama semua bagi menjayakan hasrat dan matlamat MBSP ke arah *Smart Sustainable City*.

**Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh***

Terima Kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You